

Cawangan Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga

Y.Bhg. Dato' Ir. Dr. Roslan Bin Md Taha
Pengarah Cawangan Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga

Mazni Bt Mohd Nazir
Pembantu Khas

Alamat
Cawangan Alam Sekitar & Tenaga,
Tingkat 23, Menara PJD,
No 50, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.

Phone : 03-26187701
Fax : 03-40411988
E-mail : Alam@jkr.gov.my

VISI

CAST yang terdiri daripada pelbagai disiplin dan kepakaran komited dengan hasrat jabatan dalam melaksanakan Polisi Alam Sekitar JKR Malaysia dan Tenaga demi kelestarian pembangunan Negara.

MISI

CAST berusaha meningkatkan kualiti dan perkhidmatan alam sekitar dan Tenaga untuk memenuhi objektif JKR serta menjadi pakar rujuk utama Jabatan. CAST juga komited melaksanakan sistem pengurusan kualiti alam sekitar dan tenaga yang berkesan dan berterusan.

OBJEKTIF

- Memastikan aspek-aspek pengurusan alam sekitar dipatuhi dan dilaksanakan dalam projek-projek pembinaan di bawah pengawasan JKR.
- Memastikan penggunaan dan juga pegemaskinian manual dan prosedur sistem pengurusan alam sekitar MS ISO 14001 JKR.
- Menjadi sumber rujukan serta menjadi penasihat dalam bidang kepakaran kejuruteraan alam sekitar.
- Mewujudkan kesedaran kepentingan penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar kepada setiap lapisan warga JKR khususnya dan kepada orang awam secara amnya.
- Mengurangkan pembaziran dalam penggunaan tenaga bagi projek JKR.
- Menerapkan konsep dan ciri-ciri Kecekapan Tenaga secara menyeluruh dalam rekabentuk pasif dan aktif.
- Mengurangkan Carbon footprint.
- Menjimatkan perbelanjaan operasi dan penyelenggaraan.

FUNGSI

Cawangan Alam Sekitar Dan Tenaga bertanggungjawab untuk memastikan projek

pembangunan yang dikendalikan oleh JKR tidak memberikan kesan negatif kepada alam sekitar. Fungsi-fungsi Cawangan Alam Sekitar Dan Tenaga adalah seperti berikut :

1. Memberi khidmat nasihat pakar alam sekitar kepada pelanggan.
2. Menjalankan auditan pelaksanaan sistem pengurusan alam sekitar MS ISO 14001 di dalam projek-projek JKR
3. Memantau pelaksanaan kerja-kerja di tapak dari aspek pengurusan alam sekitar di samping memastikan segala cadangan tebatan dipatuhi serta memastikan keberkesanan cadangan-cadangan tebatan dilaksanakan.
4. Meningkatkan kesedaran kepentingan penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar kepada setiap lapisan warga JKR.
5. Memberi khidmat sokongan dalam urusan pentadbiran, kewangan dan sumber manusia.
6. Memberi input kepakaran alam sekitar, kecekapan tenaga (KT) dan tenaga yang boleh diperbaharui (RE) kepada pengurusan atasan, cawangan-cawangan dan JKR negeri.
7. Merancang, menentukan serta mengurus kajian EIA dan memastikan pengurusan projek jabatan bercirikan mesra alam, kecekapan tenaga (KT), tenaga yang boleh diperbaharui (RE) dan mampan
8. Memberi khidmat nasihat berhubung perlindungan permukaan tanah alternatif dengan penggunaan tumbuhan dan bahan semulajadi.
9. Memberi khidmat pengurusan untuk kawalan bunyi daripada kenderaan di jalanraya, rawatan akustik untuk bangunan dan kualiti persekitaran dalaman (IEQ).
10. Menggubal dasar alam sekitar dan tenaga bagi jabatan dan merancang serta melaksana sistem pengurusan alam sekitar ISO14000 dan piawaian kecekapan tenaga (KT) dan tenaga yang boleh diperbaharui (RE) MS 1525:2001, dan Garispanduan & Peraturan Bagi Piawaian & Kos Unit Perancang Ekonomi (2005)
11. Merancang dan mengurus Penggunaan Tenaga di bangunan-bangunan Kerajaan dan melaksanakan program/initiatif KT dan RE serta kerjasama dengan agensi-agensi tempatan, serantau dan antarabangsa
12. Pembangunan modal insan dalam alam sekitar, kecekapan tenaga (KT) dan tenaga yang boleh diperbaharui (RE)
13. Memperkenalkan teknologi dan inovasi KT dan RE di bangunan tropikal, rekabentuk, binaan dan pengurusan tenaga.